NASKHAH PERCUMA

A WINDOW ON KL

# JENDELA

BANDARAYA

BIL. OKT 2012/ZULKAEDAH-ZULHIJJAH 1433 H




## TREE PLANTING CAMPAIGN in conjunction with Newborns in 2011

## DBKL PEST CONTROL UNIT, Health & Environment Department

## PELAKSANAAN "Dibenarkan Membelok ke Kiri" Di Kuala Lumpur

## PELANCARAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN 2012

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

# Pengumuman

## Announcement




Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar bersama agensi sekali lagi tampil dengan kesinambungan daripada kempen tahun lepas tetapi dengan *tagline* yang baru iaitu '*Keep Smiling*' di mana kempen kali ini lebih tertumpu kepada anggota penguatkuasa dan juga kakitangan yang membuat kerja-kerja di luar pejabat. Tempoh kempen adalah dari 1 Februari sehingga 1 Disember.

Kempen tahun ini mempunyai sedikit kelainan di mana pertandingan mencipta slogan Kempen Senyum 2013 turut diadakan. Pertandingan mencipta slogan ini bermula dari 1 April sehingga 12 Oktober 2012. Individu yang bertuah akan memenangi hadiah sebanyak RM3000.00

*The Ministry of Federal Territories and Urban Wellbeing and its agencies will continue with the campaign but this time with the tagline "Keep Smiling". This year there will be an emphasis on enforcement officers as well as DBKL staff who carry out their duties in the field. The campaign will run from the 1st of February to the 1st of December.*

*This year, there will be an addition to the campaign in the form of a "Smile Campaign" 2013 slogan writing competition. The contest will run from the 1st of April to the 1st of October 2012. The lucky winner of the competition will receive a grand prize of RM3000.00*

Untuk maklumat lanjut sila layari www.dbkl.gov.my
*For more information, please visit www.dbkl.gov.my*








Perpustakaan Kuala Lumpur
(Kuala Lumpur Resource Centre)

# CONTENTS KANDUNGAN

## SIDANG REDAKSI

| | |
|---|---|
| Penasihat: | Datuk Ahmad Phesal Talib |
| Editor: | Datuk Normah Malik |
| Sub-Editor: | Dr. Ismail Stapa<br>NorHaslinda Nordin |
| Wartawan: | Siti Muharramah Mazlan<br>Zurida Hashim<br>Emy Hezrin Hanafiah |
| Jurufoto: | Irwan Idris<br>Alifaizul Zainal Abidin<br>Abd Rhani Md Shohor<br>Md Ismail Isnin<br>Mubarak Atan |
| Penulis: | Yang Azuidah<br>Susan Tam |

**Reka bentuk oleh Ablemen Communications (M) Sdn. Bhd.**
**www.ablemen.com**

Pandangan anda mengenai Majalah Jendela Bandaraya hendaklah dialamatkan kepada:
Sidang Redaksi Jendela Bandaraya, Jabatan Perancangan Korporat, Tingkat 5, Menara DBKL1, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur

Tel:+603-2617 9934 Faks:+603-2697 7097
E-mel: penerbitan@dbkl.gov.my

Dicetak oleh: Percetakan Lagenda Sdn Bhd (406003-A)
4&6, Jalan Tembaga SD5/2B, Sri Damansara Industrial Park, 52200 Kuala Lumpur, Malaysia.




**FRONT COVER:**
Pelancaran Pelaksanaan "Dibenarkan Membelok Ke Kiri" di Kuala Lumpur.
*Implementation of "Authorised Left-Turn" in Kuala Lumpur.*

**4 SEPATAH DUA KATA DARI DATUK BANDAR**
A Few Words From The Mayor

**6 PELANCARAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN 2012**
Bulan Bahasa Kebangsaan 2012 Launching

**10 PELANCARAN PELAKSANAAN "DIBENARKAN MEMBELOK KE KIRI" DI KUALA LUMPUR**
Implementation of "Authorised Left-Turn" in Kuala Lumpur

**14 KEMPEN PENANAMAN POKOK SEMPENA KELAHIRAN BAYI 2011**
Tree Planting Campaign in conjunction with Newborns in 2011

**18 PERLAKSANAAN PROGRAM PEMBANGGUNAN TAMAN BOTANI PERDANA FASA 2**
Implementation of Phase 2 Development of Perdana Botanical Gardens

**22 KEM MUZIK JUNIOR**
Junior Music Camp

**26 UNIT KAWALAN PEST JABATAN KESIHATAN & ALAM SEKITAR DBKL**
DBKL Pest Control Unit, Health & Environment Department

**30 KAWASAN KEJIRANAN SAYA**
My Neighbourhood
Kampung Kerinchi,Lembah Pantai

**34 ACARA MICE DI KL**
MICE In KL

**36 ACARA SENI DI KL**
Arts In KL

**38 VISIT KL**
KLCC Bird Park

**40 LIPATAN SEJARAH**
A Page Out of History
Masjid Jamek

**44 KEHIJAUAN DI KL**
Greener Side of KL - KLCC Park

**48 JABATAN KEWANGAN**
Finance Department

# From The Editor's Desk

**B**udaya, warisan dan bahasa kita adalah antara pelbagai elemen yang membentuk identiti negara kita. Sejarah telah mengajar kita bahawa satu daripada elemen penting dalam kejayaan Melaka sebagai pusat perdagangan pada kurun kelima belas ialah bahasa Melayu yang telah dijadikan sebagai 'lingua franca' untuk memudahkan semua orang yang datang ke Melaka untuk berniaga dan mengecap kemakmuran. Sesungguhnya, 'lingua franca' atau bahasa kebangsaan kita pada hari ini telah menyatukan rakyat berbilang kaum yang menganggap Kuala Lumpur dan Malaysia sebagai kediaman mereka.

Penggunaan Bahasa Malaysia secara betul penting untuk memastikan bahasa ini difahami dan diterima oleh segenap lapisan masyarakat di negara ini. Untuk membolehkannya terus menjadi elemen yang menyatukan masyarakat berbilang kaum, bahasa kebangsaan kita mesti diperkukuh dengan penggunaan secara meluas. Untuk itu, bulan ini DBKL telah melancarkan kempen 'Bulan Bahasa'. Selain menyiarkan liputan acara ini dalam Jendela Bandaraya keluaran ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menggalakkan semua kakitangan DBKL dan juga warga Kuala Lumpur supaya menggunakan Bahasa Malaysia dengan betul, bukan sahaja pada bulan ini tetapi juga pada sepanjang masa. Kita semua mesti berbangga dengan bahasa kebangsaan kita kerana ia adalah benar-benar milik kita semua rakyat Malaysia.

Selain segmen biasa yang menarik, sidang pengarang telah sekali lagi memuatkan isu kali ini dengan laporan pelbagai perkembangan yang berlaku dalam DBKL dan Kuala Lumpur. Segmen 'Lipatan Sejarah' membawakan cerita Masjid Jamek sebagai bahagian kedua siri bangunan ikon dan warisan di KL. Taman KLCC dipaparkan dalam segmen 'Kehijauan Di KL', manakala segmen 'Visit KL' memperkenalkan Taman Burung KL. Seperti selalu, kami telah berusaha untuk menyediakan bahan bacaan yang menarik dan memberi maklumat untuk warga KL dan juga pelawat.

Selamat membaca.

**Datuk Normah Malik**
Editor

***O**ur national identity is made up of many different facets including our collective culture, heritage and common language among others. History has taught us that one of the key elements in the success of Melaka growing as a city of trade in the fifteenth century is that the Malay language was established as the 'lingua franca' that made it easy for all who came to Melaka to trade and prosper. Indeed, it is this 'lingua franca' or common language today that serves to connect the many races that call Kuala Lumpur and Malaysia home.*

*The proper use of Bahasa Malaysia is important to ensure that the language is well understood and accepted by all who live in this country. For it to continue to be the unifying element in our multi-racial society, its presence must be strengthened by widespread use of it. As such, this month DBKL have launched the 'Bulan Bahasa' or National Language Month campaign. While we have covered the event in this issue of Jendela Bandaraya, I would also like to take this opportunity to encourage all DBKL staff and even all Kuala Lumpur residents to celebrate the proper use of Bahasa Malaysia, not just for this month but all the time. After all, we must be proud of our national language as it is something that all Malaysians can truly call our own.*

*The editorial team have once again brought you a packed issue covering the happenings in DBKL and Kuala Lumpur as well as the usual interest segments. The 'Page Out Of History' segment showcases the Jamek Mosque, as the second installment of our series on iconic and heritage buildings in KL. The 'Greener Side of KL' segment features the KLCC Park, while the 'Visit KL' segment introduces the KL Bird Park. As always, the team have strived to bring informative and interesting reading material for KL residents and visitors alike.*

*Happy reading.*

**Datuk Normah Malik**
Editor

# Dari Meja Editor

